

■ NURULFATIHA MUAH

E-Cutter memudahkan kerja ladang

Bantu kait pelepas, buah sawit



Norhisam menunjukkan sabit yang digunakan bagi mengait pelepas dan buah sawit.

PRODUK INOVASI

RM480,000, yang disalurkan menerusi geran MPOB, UPM dan Kementerian Pengajian Tinggi.

"E-Cutter menggunakan gabungan konsep kuasa elektrik dan mekanikal bagi menggerakkan alat pemotong berupa sabit,

yang dipasang pada hujung galah. Ia dibangunkan menerusi satu sistem menggabungkan generator elektrik dan motor.

"Konsep itu merupakan penambahan yang dilakukan terhadap alat cantas yang direka MPOB sebelum ini," katanya.

Mudah dibawa, ringan

Menariknya, pencantas elektrik E-Cutter itu mampu mengait buah sawit dan mencantas pelepasnya, pada pokok yang mempunyai ketinggian sehingga 9 meter.

Selain itu, Norhisam berkata, reka bentuknya yang kecil dan ringan mudah dibawa ke mana-mana.

"Komponen E-Cutter ini boleh dilepaskan dan mudah dipasang semula," katanya.

Beliau berkata, alat pencantas elektrik itu menggunakan 'double starter generator' yang mempunyai ketumpatan kuasa tinggi untuk digunakan sebagai generator.

"Kami menggunakan enjin yang dihubungkan dengan generator untuk menggerakkan E-Cutter ini.

"Tangki petrol pada E-Cutter ini mempunyai kapasiti 0.8 liter dan peladang hanya perlu mengisi petrol dua kali untuk kegunaan selama lapan jam di ladang," katanya.

Menurutnya, pemilihan kuasa elektrik disebabkan ia tidak memerlukan kos yang tinggi, selain tahan lebih lama.

"Kami tidak menggunakan konsep bateri atau pengecasan kerana kosnya mahal, di samping masa penggunaannya yang rendah.

"Industri kelapa sawit bergerak lapan jam sehari, jadi konsep bateri tidak sesuai diaplikasikan," katanya.

E-Cutter berfungsi apabila dinamo yang menghasilkan tenaga elektrik disalurkan kepada sebuah motor elektrik, yang akan menggerakkan kepala pemotong di hujung galah.

Sabit yang dipasang pada



E-Cutter mampu mengait buah sawit pada pokok yang mempunyai ketinggian sehingga 9 meter.

hujung galah akan bergetar dan menghasilkan daya pemotong bagi melakukan proses pemotongan tandan serta pelepas sawit.

Sebuah enjin petrol dua lejang digunakan bagi memacu dinamo untuk menghasilkan elektrik.

Pengguna hanya perlu menekan picu yang disediakan bagi mengawal pergerakan E-Cutter ketika mengait kelapa sawit atau tandan buahnya.

Bakal dikomersialkan

E-Cutter yang siap sepenuhnya Oktober tahun lalu, bakal dikomersialkan tidak lama lagi.

Norhisam sudah menjalin persetujuan dengan JWR Technology (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat Bumiputera dari Pulau Pinang untuk pemasangan dan pemasaran E-Cutter.

"Ia dijangka dipasarkan menjelang akhir tahun ini atau pertengahan tahun depan," katanya.



E-Cutter mudah dilepaskan dan dipasang semula.